

Segerakkan projek tebatan banjir, basmi kemiskinan

Oleh MAISARAH
SHEIKH RAHIM
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu projek tebatan banjir diberi kelonggaran oleh Perbendaharaan supaya pelaksanaannya dapat dipercepatkan melalui peruntukan segera bersama Kementerian Ekonomi.

Perdana Menteri berkata, proses saringan awal projek juga perlu lebih cepat dan pemberian projek lebih baik menggunakan kaedah tender kerana kaedah secara rundingan dipercayai banyak berlaku keterlanjuran dan ketirisan.

“Jadi sebaiknya kita gunakan tender tetapi tender itu kalau dalam (prosedur) biasa, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof tahu akan mengambil masa terlalu panjang.

“Dan orang yang terkesan dengan banjir itu tidak mampu menunggu. Hal-hal ini saya



ANWAR Ibrahim beramah mesra dengan warga Jabatan Perdana Menteri selepas Perjumpaan Perdana Menteri Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri Bagi Bulan Februari 2025 di Puspanitapuri, Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

harap dapat diberikan perhatian,” katanya pada Perhimpunan Bulanan bersama warga

Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, semalam.

Dalam pada itu, Anwar ber-

kata, program membasmi kemiskinan tegar juga perlu segera diselesaikan dan dipantau pelaksanaannya.

“Projek kemiskinan tegar kejayaannya adalah baik, Alhamdulillah. Tetapi jumlahnya itu bertambah. Saya semak umpamanya di Parlimen Tambun, berapa yang masih kekal kemiskinan tegar sekitar 15 keluarga, tetapi untuk keseluruhan Perak mungkin lebih 100.

“Jadi saya sebut 15 keluarga itu boleh cari dan selesaikan dalam dua hari supaya kemiskinan tegar itu dapat dibereskan,” katanya.

Anwar juga masalah kemiskinan tegar di Wilayah Persekutuan boleh diselesaikan sama ada oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat atau agensi zakat dan Majlis Agama.

Apa yang penting katanya, sekecil-kecil masalah mampu diselesaikan walaupun soal kemiskinan tegar itu besar maknanya bagi sebuah keluarga.